

Headline **Belum ada kajian lendir haiwan mampu rawat HIV**  
Date **13 Jan 2011**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **8**  
Article Size **93 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **429**  
PRValue **1,288**



## Belum ada kajian lendir haiwan mampu rawat HIV

**KUALA LUMPUR** - Pemburu tokek yang taksub dengan dakwaan keajaiban reptilia itu yang dikatakan mampu merawat HIV sebenarnya melakukan kerja sia-sia.

Ia kerana tokek yang dikatakan mampu merawat penyakit yang paling digeruni itu tidak pernah dikaji oleh pakar-pakar perubatan.

Satu sumber dari Sub Unit HIV Hospital Kuala Lumpur berkata, khasiat haiwan itu sengaja digembar-gemburkan oleh pihak-pihak tertentu yang sebenarnya mahu

menjadikannya gimik untuk mengaut keuntungan.

Menurut sumber itu, pakar-pakar perubatan dan sains tidak membuat kajian terhadap reptilia berkenaan kerana dakwaan mengenai haiwan itu tidak berasas.

“Tidak ada satu jurnal perubatan pun yang ditulis mengesahkan bahawa tokek mampu mengubati penyakit HIV.

“Jika perkara itu benar atau ada asas sudah tentu mereka yang terlibat dalam perubatan akan membuat kajian terutama-

nya Institut Kajian Perubatan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Sumber tersebut juga berkata, meskipun pernah mendengar perkara itu yang sebelum ini diperkatakan sesetengah pihak tetapi tidak ada testimoni dibuat sehingga sekarang.

Katanya, perkara itu mungkin menjadi bahan cerita orang yang menghidap penyakit HIV dan mereka yang mengalaminya akan cuba melakukan apa sahaja asalkan mereka boleh sembuh.